

Dua unit kediaman PR1MA bernilai RM500,000 menanti pengunjung bertuah

# Ekspo perumahan buka tirai

Oleh NORAINI HASSAN BASRI

**KUALA LUMPUR** – Dua unit kediaman bernilai kira-kira RM500,000 menanti pengunjung bertuah pada Ekspo Jualan Perumahan Edisi Nasional yang berlangsung di Dewan Tun Razak 1, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini bermula hari ini.

Unit kediaman Perbadanan PRIMA Malaysia (PRIMA) itu masing-masing terletak di Alam Damai, Cheras dan Kajang, Selangor.

Turut ditawarkan ialah sebuah kereta Perodua Myvi, motosikal, barang kelengkapan rumah dan baucar percutian.

Ketua Pegawai Eksekutif PRIMA, Datuk Abdul Mutalib Alias berkata, ekspo perumahan terbesar selama sembilan hari itu perlu dikunjungi terutama



golongan muda yang sedang mencari kediaman sesuai.

Menurut beliau, ekspo bertemakan *Ke Arah Sejuta Impian, Alami Gaya Hidup Sejahtera* itu dijadualkan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri



ABDUL MUTALIB (tiga dari kanan) menunjukkan isyarat bagus selepas sidang akhbar Ekspo Jualan Perumahan Edisi Nasional di PTWC semalam.

Najib Tun Razak pada hari ini.

“Kita menawarkan lebih 600,000 buah rumah di seluruh negara daripada pelbagai agensi khususnya kepada golongan berpendapatan rendah dan pette-

ngahan.

“Lebih daripada 267,640 unit PRIMA akan dipamerkan dengan lebih 60 peratus daripadanya berharga kurang daripada RM300,000,” katanya pada

sidang akhbar di PWTC di sini semalam.

Turut hadir Ketua Pegawai Operasi PRIMA, Datuk Ar. Aminuddin Abdul Manaf.

Selain itu katanya, terdapat juga 50,030 unit kediaman ditawarkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Rumah Wilayah Persekutuan (51,173 unit), Syarikat Perumahan Negara Berhad (99,974 unit) dan Perumahan Penjawat Awam Malaysia (141,774 unit).

Ekspo dibuka kepada orang ramai daripada pukul 10 pagi hingga 10 malam.

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai ekspo tersebut menerusi laman web [www.prima.my](http://www.prima.my) atau Facebook PRIMA HOMES dan Instagram @primahomes.